

Malaysia komited laksana Agenda Global 2030

Itizam ditunjukkan oleh negara dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) yang berakhir pada 2015, jelas dipaparkan di dalam Laporan MDG 2015 yang dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar baru-baru ini. Laporan itu turut menunjukkan pencapaian dan peningkatan diperoleh negara dalam tempoh 15 tahun lampau dan pencapaian ini amat membanggakan serta mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Agenda itu kini diambil alih oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau Agenda Global sehingga tahun 2030. Sebagai langkah meneruskan pencapaian itu, Malaysia komited untuk melaksanakan matlamat pembangunan lestari dalam enam dimensi utama iaitu Manusia, Planet, Kemakmuran, Keamanan, Kerjasama dan Maruah atau Jati diri.

Sasar 17 matlamat

Berdasarkan enam dimensi itu serta 17 matlamat dengan 169 sasaran dan hampir 300 indikator yang dibangunkan, cabaran besar menanti negara sebelum semua matlamat itu dapat dilaksanakan dalam pelbagai peringkat agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Ada empat cabaran utama yang akan dihadapi negara, antaranya cabaran ontologi, cabaran epistemologi, cabaran struktural dan cabaran mekanisme dan teknikal. Cabaran ontologi ialah tumpuan berkaitan dengan asas teori yang mendasari pelaksanaan untuk mencapai matlamat pembangunan lestari yang ditetapkan itu.

Berdasarkan kepada 17 matlamat digariskan penentuan bidang yang ingin dilaksanakan menjadi perkara utama yang perlu diberikan perhatian dengan teliti dan terarah.

Keduanya adalah cabaran epistemologi iaitu landasan yang perlu diikuti dalam melaksanakan matlamat pembangunan lestari ini. Adalah dicadangkan agar menggunakan landasan sedia ada untuk memahami realiti masyarakat. Dalam hal ini, latar budaya penduduk negara wajar dijadikan asas dalam membangun dan menetapkan indikator yang digunakan untuk mencapai matlamat pembangunan lestari itu. Selain itu, ilmu watan dan laluan wassatiyah boleh dijadikan landasan di dalam melaksanakan matlamat pembangunan lestari ini.

Ketiganya adalah cabaran

struktural yang merujuk kepada struktur fizikal, sosial ekonomi dan budaya masyarakat Malaysia itu sendiri. Gaya hidup, pengetahuan, hubungan sosial yang terbentuk melambangkan corak kehidupan yang telah sebatik sejak sekian lama. Kekangan utama dalam cabaran struktural ini adalah untuk mengubah gaya hidup, corak dan pendirian yang diamalkan selama ini.

Contohnya untuk mencapai matlamat kesihatan dan kesejahteraan yang baik. Jika berdasarkan gaya hidup masyarakat masa kini terutama di bandar besar, adalah menjadi satu cabaran sukar untuk mengubah gaya kehidupan yang sudah sebatik dengan pelbagai kekangan dihadapi.

Akhirnya adalah cabaran mekanisme dan teknikal. Dalam membangunkan indikator matlamat pembangunan lestari ini menuntut kepada satu bentuk pemahaman mendalam serta menyeluruh dan semuanya memerlukan pembangunan pangkalan data dalam pelbagai peringkat mengikut skala matlamat itu akan dilaksanakan. Jabatan Statistik misalnya memainkan peranan penting untuk menentukan jenis, bentuk, struktur, format, skala dan pelbagai lagi perkara berkait dengan pengurusan data.

Pengurusan data penting

Di sini jugalah peranan saintis data amat penting kerana berdepan jumlah dan saiz data bersifat mega yang perlu diuruskan dengan berhati-hati dan juga dihubungkan dengan data dari jabatan lain pula.

Data dari banci penduduk dan perumahan, survei isi rumah, pertanian, data geospatial, infrastruktur dan inventori kemudahan, data statistik ekonomi serta data alam sekitar perlu disusun, diselaras dan diharmonikan untuk memudahkan sebarang analisis.

Cabaran mekanisme dan teknikal ini juga ialah membangunkan alat pemantauan SDGs dengan tujuan utamanya ialah untuk memantau pelaksanaan SDGs dalam pelbagai peringkat agensi dan jabatan kerajaan. Satu mekanisme yang sesuai perlu dibangunkan untuk tujuan memantau setiap agensi dan jabatan kerajaan yang terbabit dalam melaksanakan matlamat pembangunan lestari ini.



Penulis

ialah Prof Madya Felo Kanan & Ketua Hal ehwal Jaringan dan Industri (HEJIM) Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



**JENIRI
AMIR**

rencana@bh.com.my



**DR SHAHARUDIN
IDRUS**